

30 APR 1996

Pas-Istana

PAS TIDAK AKAN MENGHADAP ISTANA BAGI JELASKAN ISU PINDAAN

KOTA BAHARU, 30 April (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan pimpinan Pas hari ini bertegas untuk tidak bertemu dengan pihak Istana Kelantan bagi memperjelaskan hasrat untuk meminda perlembagaan negeri itu dan menyifatkan perkara itu mudah dan tidak perlu penerangan khas yang lebih lanjut.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Kelantan Wan Ismail Wan Jusoh berkata penjelasan lanjut seperti yang dituntut Istana tidak perlu kerana kandungan pindaan itu telah diketahui umum dan bukannya sesuatu yang baru.

"Sepatutnya semua pihak yang membaca (akhbar) telah mengetahuinya, sebab apa yang dipinda itu telah jelas...oleh itu tidak perlu tunggu penjelasan dari Pas," katanya pada persidangan berita di sini.

Wan Ismail berkata Pas bukannya hendak membuat perubahan kepada perlembagaan sebaliknya hanya menerima pakai pindaan yang memperjelaskan kuasa Menteri Besar dan Istana seperti yang diperuntukkan oleh kerajaan pusat dan dilaksanakan oleh negeri-negeri lain sejak 1993.

Beliau berkata bagaimanapun kerajaan negeri akan tetap merujuk kepada Majlis Mesyuarat Exco Negeri yang turut dianggotai Parti Melayu Semangat 46 (S46) bagi mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum ia dibawa ke Dewan Undangan Negeri, yang belum ditetapkan lagi.

Beliau berkata Pas bersikap negatif dengan S46 selepas presidennya Tengku Razaleigh Hamzah bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan lepas.

Beliau berkata Pas menganggap S46 ibarat "seorang isteri yang hampir curang" apabila Tengku Razaleigh bertemu secara senyap dengan pemimpin Umno. -- BERNAMA

RAR AKD